

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET



BANK SIMPANAN NASIONAL

BSN MyAuto

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **BSN MyAuto**. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat di dalam **Perjanjian Sewa Beli / Aku Janji**. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.

*Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to choose **BSN MyAuto**. Please make sure to read the terms and conditions in the Hire Purchase Agreement / Undertaking. Kindly seek clarification from BSN if you do not understand any part or the general terms.*

Tarikh / Date : _____
Untuk diisi oleh Eksekutif Kawangan /
Cawangan / To be filled in by Financial Executive /
Branch Representative)

1. Apakah produk BSN MyAuto? / What is BSN MyAuto product?

Kemudahan ini diberikan kepada anda untuk membiayai sebahagian pembelian kenderaan. Setelah kemudahan diluluskan, suatu Perjanjian Sewa Beli akan dibuat di antara anda sebagai Penyewa dan Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai Pemilik kenderaan tersebut. Kenderaan adalah milik BSN sehinggalah penyelesaian sepenuhnya pembayaran sewa beli. Kadar faedah bagi kemudahan Sewa Beli dikira berdasarkan kadar tetap atau terapung bagi tempoh kemudahan tersebut. Tempoh maksimum bagi kemudahan tersebut adalah 9 tahun sahaja. Operasi pembiayaan sewa beli kenderaan ini adalah di bawah kawalan Akta Sewa Beli 1967. / *The Hire Purchase facility is given to you to part finance the purchase of the vehicle. Upon approval of the facility, a Hire Purchase Agreement will be entered between you as the Hirer and Bank Simpanan Nasional (BSN) as Owner of the vehicle. The ownership of the vehicle remains with BSN until full settlement of the facility. The interest rate for the Hire Purchase facility is calculated based on fixed or floating rate over the tenure of the facility. The tenure of the facility shall be up to a maximum period of 9 years only. The operation of the Hire Purchase Facility is governed by the Hire Purchase Act 1967.*

2. Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah skim ini? / Who is eligible for a financing under this scheme?

BSN menyediakan perkhidmatan kepada Penyewa yang membeli kenderaan baharu, kereta import terpakai belum didaftarkan dan kenderaan terpakai terpilih sahaja. Kemudahan ini terbuka kepada / *BSN provides services to the hirers who purchase brand new, selected unregistered reconditioned and selected used vehicles. This facility is open to:*

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun (dengan penjamin) dan ke atas (tertakluk kepada had umur tidak melebihi 60-65 tahun (berdasarkan jenis skim yang dipilih) pada tarikh tamat tempoh pembiayaan - yang mana lebih awal. / *Malaysian citizens aged 18 years (with guarantor) and above subject to an age limit not exceeding 60-65 years (based on the selected scheme) on the date of expiry of the facility - whichever is earlier.*
- Kakitangan organisasi yang mempunyai kemudahan potongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) atau Majikan, Jabatan Akauntan Negara (JANM), Kakitangan Kerajaan, Badan Berkanun dan juga kakitangan organisasi lain yang termasuk di bawah skim tanpa potongan gaji. / *Employees of organization with a payroll deductions scheme via Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) or Employers, Jabatan Akauntan Negara (JANM), Government Employees, Statutory Bodies, as well as employees under non salary deduction scheme.*
- Bekerja atau berkhidmat di syarikat / organisasi yang terpilih di bawah Skim Kakitangan Korporat (SKK) yang diluluskan oleh BSN / *Employees of companies / organizations listed under Corporate Employee Scheme CES) approved by BSN.*
- Bekerja dan mempunyai pengalaman tidak kurang daripada tiga (3) bulan semasa memohon. / *Employed with a minimum working experience of three (3) months at the time of application.*
- Had potongan Gaji tidak melebihi 60% daripada gaji bulanan, termasuk bayaran ansuran pembiayaan ini. / *Salary deduction shall not exceeding 60% of the monthly income, including the instalment of this facility.*
- Tidak diisytiharkan bankrap. / *Not a bankrupt*

3. Apakah manfaat yang boleh saya perolehi daripada produk ini? / What benefits can I get from this product?

- *Kadar Faedah : Kadar Tetap (flat rate) / Kadar Terapung / **Interest Rate : Fixed Rate (flat rate) / Floating Rate*
- Tarikh mula bayaran ansuran bulanan adalah sebulan selepas tarikh pembiayaan dikeluarkan. / *The first instalment is payable one month after the date of disbursement.*
- Jumlah margin pembiayaan yang tinggi: Sehingga 90% daripada harga di atas jalan (OTR Price) dengan amount minimum RM20,000. Margin sebenar mungkin berbeza, bergantung kepada skim yang dipilih. / *High margin of financing: Up to 90% of the vehicle's on-road vehicle price (OTR), with a minimum amount of RM20,000. The actual margin may vary depending on the scheme selected.*
- Tempoh pembiayaan : Minimum 2 tahun, maksimum 9 tahun (berdasarkan jenis skim yang dipilih). / *The financing tenure: Minimum of 2 years; maximum of 9 years (based on the selected scheme).*
- Dibuka untuk kenderaan baharu, kenderaan import terpakai belum didaftarkan dan kenderaan terpakai yang terpilih sahaja. / *Open for brand new, selected unregistered reconditioned & selected used vehicle only.*
- Saluran bayaran mudah, melalui potongan gaji atau di mana-mana Cawangan BSN. / *Easy payment channels, through salary deduction or at any BSN branch.*

- Anda boleh memilih sama ada Kadar Tetap atau Kadar Terapung / *You may opt for either Fixed Rate or Floating Rate:*

Bil. / No.	Butiran / Detail	Kadar Tetap / Fixed Rate	Kadar Terapung / Floating Rate
1	Kadar Faedah setahun / <i>Interest Rate per annum</i>	2.27% sehingga 4.20% / <i>2.27% to 4.20%</i>	KAS + 1.49% sehingga KAS + 2.98% / <i>SBR + 1.49% to SBR + 2.98%</i>
2	Kadar Faedah Efektif setahun / <i>Effective Interest Rate per annum</i>	4.30% sehingga 7.50% / <i>4.30% to 7.50%</i>	4.49% sehingga 5.98% / <i>4.49% to 5.98%</i>
3	Kaedah Pengiraan Faedah / <i>Interest Calculation Method</i>	Kadar Rata / <i>Flat Rate</i>	Asas Baki Bulanan / <i>Monthly Rest</i>
4	Kadar Asas Standard (KAS) BSN semasa (setahun) / <i>Current BSN Standardised Base Rate (SBR) (per annum)</i>	-	3.00% (berkuat kuasa 12 Mei 2023) / <i>3.00% (effective 12 May 2023)</i>

Nota / Note:

*Kadar keuntungan adalah ditetapkan oleh pihak Pengurusan BSN dari semasa ke semasa. / **The profit rate will be determined by BSN's management from time to time.*


4. Apakah yang dimaksudkan dengan Kadar Asas Standard (KAS)? / *What does it mean by Standardised Base Rate (SBR)?*

KAS yang kami tawarkan bagi produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras pada masa kini ditetapkan mengikut Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia. / *The SBR we offer for this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia. The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.*

5. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan pada Kadar Asas Standard (KAS)? / *What are the possible scenarios to trigger a change in the Standardised Base Rate (SBR)?*

KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada kadar penanda aras, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman [Overnight Policy Rate (OPR)]. / *The SBR can rise or fall due to changes in the benchmark rate, i.e., changes in the Overnight Policy Rate (OPR).*

6. Sejarah Kadar Asas Standard (KAS) dalam masa 3 tahun / *Historical Standardised Base Rate (SBR) for the past 3 years.*



Nota / Note:

- Untuk siri sejarah yang lebih panjang, sila rujuk laman web kami. / *For a longer historical series, please refer to our website.*
- KAS diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR yang merupakan penanda aras KAS. / *The SBR was introduced on 1 August 2022. The dotted line shows the historical series of the OPR, which is the benchmark of the SBR.*

7. Apakah tanggungjawab saya? / What are my obligations?

- Bagi pembayaran melalui potongan gaji, ansuran bulanan pertama atau jika potongan gaji gagal, anda perlu membuat pembayaran ansuran bulanan anda di kaunter atau melalui saluran lain yang diterima oleh BSN sehingga potongan gaji berjaya dilakukan. / For salary deduction, the deduction of the first month or if the deduction fails, you will need to pay your monthly instalment over the counter or any other channels accepted by BSN until the deduction is successful effected.
- Lakukan pembayaran melalui cara bayaran yang dibenarkan oleh BSN (jika bukan melalui potongan gaji). / Payment may be made through other medium which is accepted by BSN (if non-salary deduction).
- Simpan semua resit dan surat-menyurat berkaitan dengan Perjanjian Sewa Beli dan Kad Jaminan. / Keep all receipts and correspondence related to the Hire Purchase and Warranty Card.
- Pastikan kandungan Perjanjian Sewa Beli yang sama seperti dalam Jadual Kedua. / Ensure the particular in the Hire Purchase Agreement is similar as in the Second Schedule.
- Sentiasa mengemaskini alamat terbaru sekiranya bertukar alamat. / Always update your latest address in case you change your address.
- Ilustrasi: / Illustration:

Jumlah Pembiayaan / Financing Amount: RM80,000.00	Tempoh Bayaran : 9 tahun (108 bulan) / Tenure : 9 years (108 month)
Caj Terma / Terms Charges:	Kadar Faedah Efektif / Effective Interest Rate:
Kadar Tetap / Interest Rate : 2.45% setahun / 2.45% per annum	4.55% setahun / 4.55% per annum

- Kadar Tetap (Ilustrasi) / Fixed Rate (Illustration) :

Ansuran Sewaan Bulanan / Monthly Instalment : Bulan 1 – 107 / Month 1 – 107	RM 905.00
Bulan 108 (bulan terakhir) / Month 108 (final instalment)	RM 805.00
Jumlah bayaran keseluruhan pada akhir tempoh 9 tahun / Total amount of payment at the end of 9 years	RM 97,640.00
Jumlah keseluruhan kos keuntungan pada akhir tempoh 9 tahun / Total interest cost at the end of 9 years	RM 17,640.00

- Kadar Terapung (Ilustrasi) / Floating Rate (Illustration):

KAS + 1.67% / SBR + 1.67% = **4.67%**

Penting: Ansuran bulanan, jumlah keseluruhan bayaran, dan jumlah keseluruhan kos faedah akan berbeza jika terdapat perubahan KAS. / **Important:** The monthly instalment, total payment amount and total interest cost will vary if the SBR changes.

Kadar / Rate	Semasa (KAS =3.00%) / Current (SBR = 3.00%)	Jika KAS naik 1% / If SBR goes up 1%	Jika KAS naik 2% / If SBR goes up 2%
Ansuran Sewaan Bulanan / Monthly Instalment: Bulan 1 – 107 / Month 1 – 107	RM 909.00	RM 948.00	RM 988.00
Bulan 108 (bulan terakhir) / Month 108 (final instalment)	RM 876.53	RM 889.37	RM 899.69
Jumlah keseluruhan bayaran di akhir tempoh pembiayaan [9] tahun / Total payment amount at the end of [9] years	RM 98,139.53	RM 102,325.37	RM 106,615.69
Jumlah keseluruhan kos faedah di akhir tempoh pembiayaan [9] tahun / Total interest cost at the end of [9] years	RM 18,139.53	RM 22,325.37	RM 26,615.69

Nota / Note:

Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Ia mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab sebenar untuk setiap pembiayaan MyAuto. / The above example is only for illustration. The illustration may not show the specific circumstances or obligations of each MyAuto Financing.

8. Bagaimana cara saya membayar ansuran bulanan? / How do I pay my monthly instalments?

- Bayaran akan dibuat melalui potongan gaji di bawah Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) atau Majikan atau Jabatan Akauntan Negara (JANM) atau; / *Payment will be made through salary deduction under Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) or Employers or Jabatan Akauntan Negara (JANM) or;*
- Bagi Skim Kakitangan Korporat (SKK), bayaran ansuran bulanan dilakukan secara potongan gaji pada hari gaji dibayar. / *For Corporate Employee Scheme (CES), the monthly instalment is through salary deduction on the payday.*
- Sekiranya potongan gaji gagal dilakukan dan/atau bayaran ansuran bukan melalui potongan gaji, anda boleh membuat bayaran ansuran bulanan melalui cara bayaran berikut; / *If deductions failed and/or under non-salary deduction scheme, you may pay your monthly instalments through the following modes of payment;*
 - i. Arahan Tetap / *Standing Instructions*
 - ii. Tunai di kaunter / *Cash over the counter*
 - iii. ATM / CDM BSN / *BSN's ATM / CDM*
 - iv. Perbankan internet myBSN / *myBSN Internet Banking*
 - v. Lain-lain cara yang dibenarkan BSN / *Any other methods acceptable to BSN*

9. Apakah fi dan caj-caj yang perlu saya bayar? / What are the fees and charges I have to pay?

Bil./ No.	Jenis Fi / Type of Fee	Perincian / Details
a)	Duti Setem / <i>Stamp Duties</i>	Seperti yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949 (Pindaan Semula 1989). / <i>As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989).</i>
b)	Perjanjian Sewa Beli / <i>Hire Purchase Agreement</i>	RM10 untuk setiap Perjanjian Sewa Beli. / <i>RM10 for Hire's copy of the Hire Purchase Agreement</i>
c)	Perjanjian Jaminan / <i>Guarantor's copy of agreement</i>	RM10 untuk setiap Perjanjian Jaminan (sekiranya perlu) / <i>RM10 for Guarantor's copy of agreement (if applicable)</i>
d)	Lain-Lain Perkhidmatan / <i>Other Service</i>	RM10 untuk Penyata Tahunan Pinjaman (setiap permohonan) / <i>RM10 for Issuance of yearly financing statement (per request)</i>
		Nota / <i>Note</i> : Pengecualian caj keatas produk mandat / <i>Mandated product is exempted</i>
		RM45 untuk Permohonan Salinan Dokumen Sekuriti (setiap permohonan) / <i>RM45 for request of certified true copy (CTC) of security documents (per request)</i>
		Nota / <i>Note</i> : Pengecualian caj keatas produk mandat / <i>Mandated product is exempted</i>

Nota: / *Note:*

Semua fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja. Sebarang perubahan pada fi & caj akan dimaklumkan 21 hari lebih awal daripada tarikh efektif melalui notis pemakluman yang akan dihantar / ditampal di Cawangan atau dimuat naik dalam laman sesawang BSN www.bsn.com.my / *All fees are one-off payment only. Any change in fees and charges will be notified by 21 days' notice in advance from effective date with notification to be sent / posted at the BSN's branches or uploaded in www.bsn.com.my website.*

10. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi kewajipan saya? / What if I failed to fulfil my obligations?

- Caj lewat bayar sama ada pada kadar (a) 8% setahun (bagi caj bertempoh kadar tetap) atau (b) 2% setahun melebihi kadar caj bertempoh semasa yang berkuat kuasa (bagi caj bertempoh kadar terapung), akan dikenakan ke atas jumlah yang tertunggak. Caj ini akan dikira atas dasar harian daripada tarikh kena dibayar hingga satu hari sebelum tarikh pembayaran dibuat atas sebarang bayaran tertunggak yang perlu dibayar oleh penyewa dan akan dicaj ke akaun kemudahan setiap bulan. / *Interest on any overdue instalments at either (a) 8% per annum (in the case of fixed rate term charges) or (b) 2% per annum above the prevailing rate of term charges (in the case of floating rates of term charges), will be charged on the amount in arrears. Such interest will be calculated on a daily basis from the due date until one day prior to the actual payment date, on any overdue monies payable by the Hirer and charged to the Hirer's account monthly.*
- Pihak Bank berhak membuat tolakan mana-mana baki kredit dalam mana-mana akaun anda di Bank untuk menyelesaikan sebarang baki tertunggak tertakluk kepada notis awal diberikan kepada anda tujuh (7) hari sebelum tolakan dilaksanakan. / *The Bank has the right to set-off any credit balance in your account(s) maintained with the Bank against any outstanding balance in this financing account which the Bank will notify you in seven (7) calendar days in advance.*
- BSN boleh menarik balik kenderaan sekiranya pembayaran ansuran bulanan berjumlah tidak melebihi tujuh puluh lima peratus (75%) daripada jumlah harga tunai kenderaan dan anda gagal membuat bayaran ansuran selama dua (2) kali berturut-turut atau dalam situasi penyewa meninggal dunia, gagal dalam membuat pembayaran ansuran tertunggak selama empat (4) kali berturut-turut. Semua perbelanjaan yang terlibat semasa proses pemilikan semula akan dikenakan kepada penyewa / penjamin (jika berkenaan). / *BSN has the right to repossess the vehicle if the payment of instalments amounts is not more than seventy-five percent (75%) of the total cash price of the vehicle and there had been two (2) successive defaults of payment or in case of where the hirer is deceased, default in four (4) successive monthly instalments. All expenses incurred during repossession exercise will be charged to hirer or guarantor (if applicable).*

- BSN boleh mengambil tindakan undang-undang sivil ke atas anda bagi melunaskan baki hutang dan sekiranya ini berlaku boleh memudaratkan kedudukan kredit anda di masa depan. / BSN has the right to take legal action against you to recover any amount outstanding and this will affect your credit standing in the future.

11. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya membayar sebahagian daripada ansuran bulanan? / What will happen if I pay partial payment on my monthly instalment?

- Penerimaan sebahagian daripada ansuran bulanan pada bila-bila masa tidak akan menyebabkan variasi atau pindaan terhadap kewajipan anda untuk membuat bayaran ansuran bulanan sepenuhnya seperti yang termaktub. / Acceptance of partial payment of monthly instalment at any time shall not constitute a variation or modification on your obligation to pay the full amount of the monthly instalment as stated herein.
- BSN boleh menuntut pembayaran ansuran sepenuhnya pada bila-bila masa. / BSN reserves its right to request for the full payment of each instalment at any time.

12. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang? / What if I fully settled the financing before its maturity?

- Anda berhak untuk mendapatkan rebat ke atas caj bertempoh untuk tempoh pembiayaan yang tidak digunakan. Pengiraan adalah berdasarkan formula yang tercatat di dalam Akta Sewa Beli 1967. / You will be entitled for the rebate which is the refund of the term charges for the unutilised tenure. The calculation is based on the formula below as stipulated in the Hire Purchase Act 1967.

$$\text{Rebat / Rebate} = \frac{n(n+1)}{N(N+1)} \times \text{TC}$$

n = Baki Tempoh Sewa (bulan) / Remaining Rental Period (Months)
 N = Tempoh Sewa Asal (bulan) / Original Rental Period (Months)
 TC = Caj Terma / Term Charges

13. Adakah saya perlu mengambil perlindungan takaful? / Do I need any takaful coverage?

Ya. Di bawah Seksyen 26 Akta Sewa Beli 1967, perlindungan insuran / takaful adalah menjadi kewajipan kenderaan yang disewa sepanjang tempoh sewaan. / Yes. It is mandatory under Section 26 Hire Purchase Act 1967 to have insurance / takaful coverage for duration of the financing tenure.

- BSN sebagai pemilik akan bertanggungjawab memastikan kenderaan tersebut dilindungi di bawah sijil perlindungan insuran / takaful komprehensif atas nama anda untuk tahun pertama sahaja. / BSN as an owner shall ensure that the vehicle is covered under a comprehensive insurance / takaful coverage for the 1st year only.
- Untuk tahun-tahun yang berikutnya, adalah tanggungjawab anda sebagai penyewa untuk memperbaharui sijil insuran / takaful di bawah sijil perlindungan insuran / takaful komprehensif termasuk perlindungan force majeure (keadaan yang tidak dapat dijangka). Anda juga bertanggungjawab untuk memberitahu BSN berkenaan pembaharuan sijil insuran / takaful dalam jangka masa 14 hari sebelum sijil tamat. / For the following years, the hirer is responsible to renew a comprehensive insurance / takaful coverage including the force majeure (unforeseen circumstances) coverage. You are also required to inform BSN on the renewal of the insurance / takaful policy within 14 days before the expiry of the policy.

14. Adakah saya perlukan penjamin? / Do I need guarantor?

Keperluan kepada penjamin adalah bergantung kepada keupayaan kredit anda. / The need for a guarantor depends on the credit assessment made by BSN.

15. Apakah risiko utamanya? / What are the major risks?

Di bawah Seksyen 16 Akta Sewa Beli 1967, dengan memberi notis bertulis kepada anda, Bank boleh menarik balik kenderaan sekiranya pembayaran ansuran berjumlah tidak melebihi tujuh puluh lima peratus (75%) daripada jumlah harga tunai kenderaan dan anda gagal membuat bayaran ansuran selama dua (2) kali berturut-turut atau dalam situasi penyewa meninggal dunia, gagal dalam membuat bayaran ansuran tertunggak selama empat (4) kali berturut-turut. / Under Section 16 of the Hire Purchase Act 1967, by serving a notice in writing to you, BSN has the right to repossess a vehicle if the payment of instalments amounts is not more than seventy-five percent (75%) of the total cash price of the vehicle and there had been two (2) successive defaults of payment or in case where the hirer is deceased, default in four (4) successive monthly instalments.

16. Apakah pilihan yang saya ada sekiranya kenderaan saya telah ditarik semula oleh pihak bank? / What choices do I have if my vehicle has been repossessed by the bank?

- Penyewa harus membayar jumlah penuh ansuran pembiayaan tertunggak dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh BSN untuk membuat penarikan kenderaan. Perbelanjaan sampingan adalah seperti: / The hirer must pay the full outstanding installments, arrears and any incidental expenses incurred by BSN for repossession of the vehicle. The incidental expenses are as follows:
 - Kos penarikan / penundaan kenderaan / Repossession / towing cost
 - Kos penyimpanan kenderaan / Vehicle storage cost
- Memperkenalkan pembeli baharu kenderaan pada harga yang dinyatakan di dalam notis. / Introducing a new buyer for the price specified in the notice.

17. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?

Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada BSN (surat menyurat atau emel) jika terdapat sebarang perubahan kepada butir-butir perhubungan anda, bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai dan tepat pada masanya. / It is important that you inform us of any changes in your contact details (writing or email) to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

18. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan? / Where can I get assistance and redress?

Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh hubungi kami di: / If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:

**Pusat Perhubungan Pelanggan
Bank Simpanan Nasional
Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)
Emel/Email: customercare@bsn.com.my**

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di / Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra Commerce,
Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Emel/Email : enquiry@akpk.org.my**

Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di / If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:

**Pusat Perhubungan Pelanggan
Bank Simpanan Nasional
Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)
Emel/Email: customercare@bsn.com.my**

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di / If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:

**BNMLINK
Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
P.O.Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300 88 5465
Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>**

19. Di manakah saya boleh memperolehi informasi dengan lebih lanjut? / Where can I get further information?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BSN MyAuto, sila rujuk di Auto Finance Center (AFC) atau semua cawangan kami atau laman web www.bsn.com.my. / Should you require additional information on BSN MyAuto please refer to to all our Auto Finance Centre (AFC) or Branches or www.bsn.com.my website.

20. Lain-lain produk pembiayaan/pinjaman kenderaan BSN yang disediakan / Other auto financing/loan packages available?

- BSN MyAuto-i
- BSN MyAuto/i Kumpulan Pengurusan Tertinggi / BSN MyAuto/i High Ranking Official
- BSN MyAuto/i UsedCar
- BSN MyAuto-i EV/HEV
- BSN MyAuto-i MPO

PENAFIAN / DISCLAIMER :

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini hanya sebagai maklumat dan tidak muktamad. Terma dan syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran / Aku Janji dan Perjanjian Sewa Beli selepas penilaian dan kelulusan pihak BSN. / The terms and conditions indicated in this Product Disclosure Sheet are tentative / indicative and not binding on the Bank. The final terms and conditions are as stipulated in the Letter of Offer / Undertaking and the Hire Purchase Agreement after facility approval.

Saya dengan ini telah membaca dan memahami terma dan syarat di atas / Hereby I have read and understand the terms and conditions above.

Tandatangan Penyewa / Hirer's Signature

CATATAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN SEKIRANYA BERLAKU KEMUNGKIRAN DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN MYAUTO ANDA. / IMPORTANT NOTE : LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON YOUR MYAUTO FINANCING.

Semua maklumat yang diberikan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai 01/01/2025 / All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from 01/01/2025.